

# Dasar sungai semakin cetek

KEGIATAN perlombongan emas yang tidak terancang di Hutan Simpanan Kekal Sokor Taku, di Kampung Sokor, Tanah Merah turut menyumbang kepada ancaman di hulu Sungai Kelantan.

Tinjauan Bernama mendapati aktiviti perlombongan yang bermula sejak tahun 1991 itu menyebabkan beberapa anak sungai dipesongkan alirannya bagi kegiatan menyedut tanah yang dipercayai mengandungi bijih emas ke kawasan palong di atas bukit.

Ekoran itu, beberapa anak sungai mati kerana airnya bertukar menjadi kehitaman sehingga sakit mata memandang.

Begitu juga setiap kali hujan turun, keladak dan lumpur akan menuruni cerun yang gondol di beberapa kawasan tinggalan lombong seluas 10 kilometer persegi ke Sungai Sokor dan seterusnya ke Sungai Kelantan.

Malah lebih mendukacitakan lagi, air Sungai Sokor yang pada satu ketika dahulu terkenal dengan kejernihannya kini bertukar menjadi kemerahan.

Pewartaan kawasan perlombongan emas dan perladangan hutan getah oleh pihak terlibat ke atas kawasan tanah tinggi seolah-olah mempunyai



PARA pekerja mengangkut anak benih getah untuk ditanam di kawasan puncak Hutan Simpan Gunung Stong Selatan.

'udang di sebalik batu' dan dilihat sebagai satu muslihat bagi menghalalkan pengeluaran kayu balak dari situ.

Ini jelas kerana kos melombong di kawasan tanah tinggi adalah tinggi dan pihak berkenaan sudah pasti

akan mengalami kerugian besar. Pokok-pokok balak yang sepatutnya dilindungi ditebang bagi menampung kerugian sehingga aktiviti pembalakan menjadi teras utama.

Selain itu, sekiranya penanaman hutan getah menguntungkan dalam

jangka panjang, kenapa ia tidak dilakukan di kawasan lain yang lebih praktikal seperti di kawasan ladang kelapa sawit tua yang ditinggalkan tanpa sebarang pengurusan. Ada baiknya pokok-pokok itu ditebang dan digantikan dengan pokok getah tadi.

Pencemaran dan keadaan di hulu Sungai Kelantan perlu diberi perhatian kerana kemerosotan alam sekitar di situ boleh menjejaskan penduduk Kelantan terutama yang tinggal di tebing Sungai Kelantan.

"Mereka kini terdedah dengan banjir besar berikutan dasar sungai Kelantan yang semakin cetek terutama di bahagian hulunya," kata Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah.

Masalah itu disebabkan pembalakan dan pembangunan hutan di sekitar tebing itu yang tidak terancang apabila bahan terampai hanyut ke sungai ketika hujan dan kemudiannya mendap sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Apabila sudah lama mendap, ia menyebabkan Sungai Kelantan kini semakin cetek dan penduduk perlu diingatkan dengan banjir besar setiap kali musim tengkujuh datang," katanya. - Bernama

berhampiran Dabong di mana keretapi akan menyusuri lapan terowong sepanjang 50 hingga 670 meter dalam perjalanan dari Perhentian Dabong, Bukit Abu dan Manek Urai.

Namun semua itu merupakan gambaran keindahan alam yang jika tidak dipulihara pastinya kelak tidak dapat dikecapi generasi akan datang.

Salah seorang pemandu bot laju Harun Dollah, 60, yang telah lebih 30 tahun mengangkut penumpang-penumpang di situ berkata, dulu air di kawasan hulu jernih. Menurutnya, pelbagai spesies ikan sungai yang besar saiznya senang diperolehi di sungai itu.

"Cahaya matahari yang memancar ke permukaan air melantun bagaikan terkena cermin. Kawasan hutan di tepi tebing, nampak cerah.

"Kadang-kadang rusa dan seladang turun ke tebing untuk minum air.

Sekarang... semua itu, tiada lagi," katanya mengimbas kenangan lalu.

Pelbagai aktiviti pertanian seperti pembukaan tanah baru di kawasan pedalaman untuk tujuan perladangan dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyebabkan pencemaran air Hulu Sungai Kelantan.

Tinjauan Bernama di Meranto, Gua Musang, mendapati lebih 607 hektar kawasan Hutan Simpan Gunung Stong Selatan yang berada pada paras ketinggian 350 meter dari aras laut telah digondolkan untuk perladangan hutan getah oleh sebuah syarikat tempatan yang mendapat kelulusan kerajaan negeri sejak September 2005.


Aktiviti pengeluaran balak dan pembersihan kawasan hutan itu menyebabkan anak-anak sungai di

Pelbagai aktiviti pertanian seperti pembukaan tanah baru di kawasan pedalaman untuk tujuan perladangan dikenal pasti antara faktor yang menyebabkan pencemaran air Hulu Sungai Kelantan

kawasan tadahan hujan itu mengalami kemusnahan ekologi yang teruk. Sisa-sisa balak didapati merentangi aliran air yang berkeladak serta berlumpur.

Malah, air berkenaan turut menjadi sumber air mentah kepada hampir 600 penduduk sekitar sebelum mengalir ke Sungai La, Sungai Nenggiri dan akhirnya ke Sungai Kelantan.

Lebih mendukacitakan lagi kesemua penduduk di situ meluahkan kebimbangan mereka kemungkinan berlakunya banjir lumpur yang dahsyat seperti Tragedi Pos Dipang, di Perak, pada 1996, sekiranya pihak terlibat tidak memantau aktiviti berkenaan pada musim tengkujuh bermula November ini.



KESAN tinggalan lombong emas di tebing Sungai Sokor, Tanah Merah, Kelantan.